

KONSEP ZIKIR DARAJAH DALAM DISIPLIN ILMU TAREKAT

Thahirah Hassan Basri, Prof. Madya Dr. Faudzinain Badaruddin dan Prof. Madya Dr. Abdul Manam Mohamad

Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRACT

Al-dhikr (remeberance of God) is regarded as an effective disciple of sufi order (tariqa institution) in approaching God and seeking His Pleasure. Although the practice of al-dhikr is common among ordinary Muslims, the sufis differentiate the concept of al-dhikr into two categories namely as dhikr darajah and dhikr hasanah. Facts which were gathered from scholars' pieces and other relevant sources were analysed through inductive and deductive method. The finding result shows that, there are differences between dhikr darajah and dhikr hasanah practices. Dhikr darajah has its own practices which involves the mursyid guidance, prior recitation of dhikr, specific rules, specific exercises, syeikhs' silsila, bayāh, talqin and irsyād. Hence, this article reveals the differs.

Keywords: dhikr, mursyid, silsila, bayāh and talqin.

PENDAHULUAN

Amalan zikir bukanlah sesuatu yang janggal bagi masyarakat Islam khususnya di Malaysia. Oleh kerana ia merupakan suatu amalan yang disyariatkan, maka ibadah zikir dilaksanakan dalam segenap ruang kehidupan sama ada secara umum atau khusus. Menurut para ulama, zikir khusus ialah zikir yang mempunyai kaifiat tertentu melibatkan masa, tempat dan keadaan, bergantung kepada ajaran sesuatu kumpulan tarekat manakala zikir umum adalah sebaliknya. Selain daripada zikir tarekat, termasuk dalam amalan zikir khusus ialah seperti mengamalkan doa-doa tertentu untuk melakukan sesuatu aktiviti rutin manusia misalnya sebelum dan selepas bangun tidur, sebelum masuk ke kamar mandi dan keluar darinya, sebelum dan sesudah makan yang menunjukkan seseorang itu sentiasa ingat kepada Allah SWT dalam setiap geraklakunya. Apatah lagi tatkala melakukan perbuatan ritual seperti solat, membaca al-Quran, berzikir dan berdoa selepas solat, maka fikiran dan seluruh anggota badan akan tertumpu kepada penghayatan mengingati Allah SWT semata. Masyarakat Islam negara ini pada kebiasaannya melakukan zikir lisan dengan menyebut *asmā' Allah*, *afāḥ*, sifat-Nya atau apa sahaja kalimah yang berkaitan dengan Allah SWT sama ada secara bersendirian ataupun berjemaah. Zikir berjemaah selalu dilaksanakan selepas solat fardu di sebarang tempat ataupun selain waktu solat berjemaah misalnya ketika mengadakan keramaian seperti kenduri doa selamat, kenduri kesyukuran, majlis akikah dan cukur jambul serta

kenduri arwah dengan pengisian zikir seperti tahlil, salawat, bacaan Yasin dan doa. Selain daripada itu, amalan ini juga dihidupkan oleh kumpulan tarekat melalui majlis zikir yang disebut sebagai hol, khataman, tawajjuh dan seumpamanya. Majlis tersebut memakan masa yang panjang kebiasaannya pada sebelah malam tertentu yang dipimpin oleh seorang mursyid atau khalifah. Di samping itu, ahli tarekat sendiri dituntut untuk melazimi zikir dengan istiqamah secara bersendirian oleh mursyid bagi mencapai maksud sebenar zikir tersebut.

KEDUDUKAN AMALAN ZIKIR DALAM TAREKAT

Dalam tarekat, amalan zikir muncul sebagai ritual yang sangat diutamakan. Zikir atau zikrullah mempunyai pelbagai takrif dari segi bahasa dan istilah. Menurut *al-Mausūah al-Fiqhiyah* (1992: 219-220) zikir dari segi bahasa ialah sesuatu yang disebut dengan lisan atau menghadirkan sesuatu pada hati. Dari segi istilah fekah pula, zikir ialah ingatan hamba kepada Tuhannya sama ada dari segi zat, sifat, perbuatan, hukum, membaca al-Quran, berdoa, mensucikan-Nya, memuliakan-Nya, mentauhidkan-Nya, memuji-Nya, mensyukuri-Nya dan mengagungkan-Nya. Ulama-ulama tasawuf pula mengemukakan takrif istilah zikir yang pelbagai dengan lebih halus dan terperinci. Al-Sakandari (1961: 4) menyatakan zikir dari segi bahasa bermaksud sebut dan ingat. Dari sudut peristilahan tasawuf pula, zikir bermaksud terlepas daripada kelalaian dan kelupaan hati dengan sentiasa merasa hadir hati berserta Allah. Ia bermaksud ingatan dan kehadiran hati yang kuat lagi berterusan terhadap makna-makna ketuhanan Allah sehingga terbuang kelalaian daripada hati tersebut. Takrifan ini selari dengan kenyataan al-Harawi (1962: 55) dan al-Kamshakhanawi (1997:204). Takrifan lain seperti ungkapan Muhammad ibn Kakis bahawa zikir ialah “engkau hilang daripada kewujudanmu dengan *syuhūd* kepada-Nya” (al-Shatnufi 2002:297). Apapun tafsir yang dikemukakan oleh para ulama sufi, rumusannya ialah zikir merupakan perbuatan mengingati Allah SWT setiap masa tanpa lalai yang boleh mengekang seseorang daripada *syuhūd* (menyaksikan dengan mata hati) terhadap-Nya.

Dalam dunia tarekat tasawuf, zikir merupakan suatu ibadah yang amat dititikberatkan kerana ia merupakan metod kerohanian seorang *sālik* (orang yang berusaha menuju kepada Allah melalui ilmu tarekat tasawuf) untuk mencapai makrifatullah (Mustafa Zahri 1984:65; Ali Mohamed 2006: 132-133).

Di samping itu, pengiktirafan dalil-dalil *qatiyy* terhadap keistimewaan dan keagungan amalan zikir serta gesaan untuk melaksanakannya membuatkan institusi tarekat mengamalkannya dengan penuh *himmah* dan istiqamah. Sebagai contoh firman Allah:

وَاذْكُرُوا اللَّهَ كَثِيرًا لَّعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: Dan sebutlah serta ingatilah Allah banyak-banyak, supaya kamu berjaya (mencapai kemenangan).

Surah al-Jum'ah 62: 10

Antara sebab lain ahli tarekat memberi perhatian yang serius terhadap amalan ini ialah kerana *afdaliyyah*nya berbanding ibadah-ibadah lain seperti solat, zakat haji, sedekah dan

jihaḍ *fiṣabīlillāh* sebagaimana termaktub dalam dalil al-Quran dan hadis-hadis sahih (al-Kasnazan 2005: 269-272). Misalnya sebuah hadis riwayat Abi Darda' bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَلَا أُنبِّئُكُمْ بِخَيْرِ أَعْمَالِكُمْ وَأَزْكَاهَا عِنْدَ مَلِيكِكُمْ وَأَرْفَعَهَا فِي دَرَجَاتِكُمْ وَخَيْرٌ لَّكُمْ مِنْ إِنْفَاقِ
وَالْوَرِقِ وَخَيْرٌ لَّكُمْ مِنْ أَنْتَلَقُوا عَدُوَّكُمْ فَتَضْرِبُوا أَعْنَاقَهُمْ وَيَضْرِبُوا أَعْنَاقَكُمْ قَالُوا بَلَى الذَّهَبُ
تَعَالَ قَالَ ذِكُرْ اللَّهُ

Maksudnya: Mahukah kamu aku memberitahu tentang sebaik-baik amalan dan sesuci-sucinya di sisi Tuhanmu dan setinggi-tinggi darjat yang dapat dicapai oleh kamu, dan ia lebih baik daripada menyedekahkan emas dan perak, malah ia lebih baik bagi kamu daripada menemui musuhmu lalu menetak leher-leher mereka dan mereka menetak leher-leher kamu? Para sahabat bertanya: Sudah tentu ya Rasulullah. Jawab baginda: Zikrullah.

Hadis riwayat Tirmidhi 1937: 459

Selain daripada itu, ia juga sangat signifikan berdasarkan *ghāyah* (matlamat) hakikinya iaitu *wuṣūl ilā Allah* (sampai kepada Allah) (al-Jaylani 2011:75; al-Nida 2006:108; Ahmad Shohibulwafa 1988:53) dan sebagai penyebab manusia bermaḥabbah kepada-Nya (Ahmad Shohibulwafa:53). Dengan sebab itu, ahli zikir digesa supaya melazimi zikir (*mudāwamat al-dhikr*) sama ada secara *jahar* (bersuara) atau *khafiy* (dalam hati/tidak bersuara) untuk mencapai matlamat tersebut. SeHINGGAKAN al-Jaylani (2011:75), menghukumkan wajib (fardu) sentiasa berzikir bagi orang yang ingin dekat kepada Allah.

Berdasarkan matlamat dan kaifiat zikir, maka ulama tarekat tasawwuf telah mengkategorikan zikir kepada dua jenis iaitu zikir hasanah dan zikir *darajah* (zikir tarekat). Sheikh `Abd al-Qadir `Isa (1970: 224) menamakan zikir hasanah sebagai zikir umum dan zikir *darajah* sebagai zikir khusus. Menurut beliau, zikir umum itu ialah zikir ganjaran dan pahala, iaitu seseorang itu berzikir mengingati Tuhannya dengan apa-apa bentuk zikir yang dikehendaknya, namun dia masih kekal dalam sifat-sifat kecelaan dirinya. Manakala zikir khusus pula ialah zikir *ḥuḍūr*, iaitu seseorang itu berzikir mengingati Tuhannya dengan zikir-zikir tertentu dengan sifat (kaifiat) tertentu bertujuan mencapai makrifah terhadap Allah, dengan membersihkan dirinya dari semua sifat kecelaan serta menghiasinya dengan semua sifat kemuliaan, dan bertujuan melepaskan diri daripada kegelapan kebendaan serta ingin mendapatkan rahsia-rahsia kerohanian. Al-Falimbani (2000: 22) juga memberikan takrif yang tidak jauh berbeza iaitu zikir hasanah ialah zikir yang menghasilkan pahala tetapi tidak berkehendak kepada adab zikir manakala zikir *darajah* berkehendak kepada adab zikir. Wan Mohd. Saghir (2000: 105) menjelaskan lagi bahawa zikir hasanah ialah zikir yang tidak berkehendak kepada ijazah seseorang guru mursyid, adab zikir atau tiada tarekat (cara) sesuatu adab dalam sesuatu metod tarekat. Zikir *darajah* pula ialah melakukan zikir yang telah diterima daripada seseorang mursyid atau khalifahnyanya menurut metod sesuatu tarekat dan perlu mengikut adab-adab yang telah ditentukan.

Zikir hasanah dipraktis oleh orang awam. Al-Ghazali melabelkan zikir ini sebagai zikir orang awam yang mana agama tidak memberatinya dan berzikir mengikut kesanggupan. Zikir orang awam boleh dilakukan di mana-mana sahaja, tanpa dibatasi pada waktu-waktu solat ataupun tempat-tempat tertentu. Apa yang penting ialah amalan zikir diusahakan secara berterusan, pagi, siang, duduk atau berdiri. Namun kebanyakan mereka hanya mengucapkan zikir pada lisan sahaja sedangkan hati mereka lalai. Terdapat daripada mereka yang bertahun-tahun berzikir tetapi tidak membekas dalam diri. Walaupun demikian, keadaan ini masih jauh lebih baik daripada orang yang tidak berzikir sama sekali (Ahmad Suyuti 2003:161).

Bagi zikir *darajah*, ia diamalkan oleh orang yang ingin mengikuti jalan sufi atau ahli tarekat. Mereka digelar sebagai *sālik* iaitu para penempuh jalan rohani iaitu murid dalam sebuah tarekat (Amatullah 1996: 252). Tujuan seorang *sālik* mengamalkan zikir tarekat ialah untuk menyucikan diri dari maksiat zahir dan batin demi menuju kepada Allah atau mengenal Allah dengan sebenar-benar kenal (makrifatullah). Al-Ghazali (1993: 170) menyatakan buah amalan mereka adalah memutuskan segala hambatan nafsu dan menyucikan akhlak yang tercela serta semua sifat jahat. Dengan cara itulah manusia boleh sampai pada pengosongan hati dari selain Allah SWT, dan mengisinya dengan zikir pada Allah. Al-Sakandari (2000: 161) dalam *Matnu al-Hikam* menyatakan zikir adalah merupakan jalan yang paling dekat untuk mendekatkan atau menuju kepada Allah.

KRITERIA ZIKIR DARAJAH

Terdapat beberapa ciri yang membezakan di antara kedua-dua jenis zikir tersebut. Antara kelainannya ialah dari aspek bimbingan mursyid, adab, kaifiat, keperluan *bayāḥ*, talqin dan *irsyād*.

i. Bimbingan mursyid

Zikir darajah perlu dipimpin guru mursyid yang *taḥqīq* (benar dan layak). Mursyid atau syeikh hendaklah seorang yang telah sempurna suluk (perjalanan rohani), syariah dan hakikat menurut al-Quran dan hadis, juga sentiasa berpandukan ulama hingga sampai ke maqam *al-Rijāl al-Kamāl*. Syeikh itu telah sampai kepada keredaan Allah dan ditarbiyah oleh mursyid yang bersilsilah hingga kepada Nabi SAW. Dia juga telah mendapat izin daripada syeikhnya untuk menyampaikan ilmu kepada orang lain (al-Kurdi 1995: 576). Dengan adanya pemantauan mursyid, maka zikir dilaksanakan dengan *himmah* (semangat) yang tinggi disertai dengan kesungguhan dan istiqamah serta tumpuan diberikan kepada menghadirkan makna-makna zikir (al-Nida 2006: 108). Ia dilakukan secara disiplin, mempunyai tatacara tertentu, dilakukan sepenuh hati di bawah bimbingan mursyid (Ahmad Suyuti 2003: 12).

Zikir hasanah tiada konsep pemantauan daripada mursyid. Ia bebas diamalkan mengikut pengetahuan serta kekuatan iltizam si pengamal. Terdapat ramai ulama muktabar yang telah memberikan garis panduan pengamalan zikir berdasarkan al-Quran, hadis serta *athār* para sahabat contohnya kitab-kitab karya mazhab empat, *al-Adhkār* oleh al-Nawawi, *Fiqh al-Sunnah* oleh Syed Sabiq dan sebagainya. Dalam hal ibadah zikir, para ulama fekah menuntut supaya memperbanyakkan berzikir sepertimana yang dianjurkan

Quran dan hadis, namun tiada perbahasan tentang perlunya seorang guru untuk memantau perjalanan zikir seseorang.

ii. Zikir yang utama

Al-Qarani(2007:57) menyatakan zikir yang paling utama di sisi golongan para sufi ialah kalimah “الله” dan “لا إله إلا الله”. Pengikut Tarekat Naqsyabandiah menyebut zikir “لا إله إلا الله” sebagai zikir nafiyy ithbāt iaitu kalimah zikir yang menafikan semua tuhan (لا إله) dan menetapkan pengakuan kepada pengakuan Tuhan Allah yang Esa (إلا الله) (Totok & Samsul 2005: 37). Lafaz “الله” pula disebut oleh ahli tarekat sebagai zikir ismu al-dhāt atau zikir ithbāt.

Keutamaan kedua-dua lafaz zikir tersebut adalah juga berdasarkan dalil al-Quran dan hadis yang sama seperti sumber dalil zikir hasanah. Cuma ulama sufi memberi tafsiran yang lebih khusus kepada dalil-dalil tersebut atau mereka takrifkan sebagai takwil. Penyusun kitab *al-Majmaʿ* berfatwa bahawa tafsir bagi orang awam dan takwil bagi orang khusus iaitu ulama *rusūkh* yang berpegang kuat kepada ilmu setelah berjaya membersihkan hati (al-Jaylani 2011:44). Misalnya ayat-ayat yang menunjukkan saranan agar kerap berzikir seperti firman Allah SWT:

فَاذْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ

Maksudnya: Maka hendaklah kamu menyebut-nyebut Allah sebagai zikirmu (ingatanmu).

Surah al-Baqarah 2: 200

Begitu juga dalam Surah al-Nisā' 4:103, al-Hajj 22:40 dan selainnya, ulama sufi mentakwilkan perintah zikir tersebut hendaklah menyebut secara khusus lafaz “الله” kerana itulah zikir yang paling utama.

Bagi zikir *nafiyy ithbāt* diambil daripada banyak riwayat hadis sahih salah satunya ialah sabda Rasulullah SAW.:

أَفْضَلُ الذِّكْرِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَفْضَلُ الدُّعَاءِ الْحَمْدُ لِلَّهِ

Maksudnya: Zikir yang utama adalah “لا إله إلا الله” dan doa yang utama adalah “الحمد لله”.

Hadis ini diriwayatkan oleh Bukhari, Muslim, Tirmidzi, Nasa'i, Ibnu Majah, Ibnu Hibban, dan Hakim dari Jabir bin Abdullah (al-Farisi 1997: 126).

Zikir-zikir utama bagi zikir hasanah pula adalah pelbagai, juga berdasarkan nas al-Quran dan sunnah. Menurut al-Haddad (1987: 232-239) (w. 1132H) zikir yang utama ialah kalimah “لا إله إلا الله” kerana pahalanya lebih banyak dari yang lain, diikuti “سبحان الله وبحمده”, “سبحان الله والحمد لله ولا إله إلا الله والله أكبر”, dan beberapa kalimah zikir lain yang disebutkan dalam hadis-hadis sahih. Sebelumnya, al-Samarqandi (1992: 193) (w. 375H) telahpun

menggesa umat Islam agar memperbanyakkan ucapan “لا إله إلا الله” siang dan malam agar iman tidak terlucut akibat perbuatan jahat sehingga akhirnya mati dalam kafir yang merupakan satu kerugian yang besar kerana asalnya dia sudahpun merupakan seorang muslim.

iii. Adab zikir

Zikir *darajah* mempunyai adab-adab yang mesti dipatuhi. Menurut al-Nida (2006: 108), seandainya ahli zikir tidak melaksanakan adab zikir ataupun meninggalkan sebahagian besar daripada adab-adab tersebut, maka akan menjauhkan diri daripada *wuṣūl* (sampai) kepada Allah SWT.

Ulama tasawuf memecahkan adab berzikir kepada tiga keadaan iaitu sebelum, semasa dan selepas berzikir. Al-Kurdi (1995: 561-564) (w. 1332 H) menyatakan zikir mempunyai 11 adab yang meliputi ketiga-tiga keadaan tersebut iaitu:- berwuduk, solat sunat dua rakaat, menghadap kiblat di tempat sunyi, duduk tawarruk (lawan duduk iftirasy dalam solat), istighfar sebanyak 5 atau 15 atau 25 kali, menghadihkan bacaan al-Fatihah sekali dan surah al-Ikhlās sebanyak tiga kali kepada Rasulullah s.a.w. dan roh para syekh Tarekat Naqsyabandiyah, memejamkan mata sambil menaikkan lidah ke lelangit untuk mendatangkan khusyuk, *rabīṭah* kubur iaitu membayangkan diri telah mati lalu dimandikan, dikafankan, disolatkan dan dikebumikan, *rabīṭah* mursyid iaitu menghadirkan rupa guru dengan menganggap bahawa hati guru itu pancuran yang melimpah dari lautan yang luas ke dalam hati murid sebagai perantara untuk sampai kepada Allah SWT, fokus kepada Allah SWT sambil mengucapkan “إلهي انت مقصودي ورضائك مطلوبي” (Tuhanku Engkaulah matlamatku dan keredaan-Mu tuntutanku) sebanyak tiga kali diikuti dengan zikir ismu al- dhāt (الله) dan menunggu kurnia Allah SWT (*warīd*) sebaik sahaja zikir berhenti sebelum membuka mata.

Al-Khani (1977: 49) pula menggariskan 20 adab zikir iaitu lima sebelum zikir, 12 ketika sedang berzikir dan tiga sesudah berzikir. Al-Nida (2006: 107-108) mensyaratkan tujuh adab sebelum berzikir, tujuh semasa dan satu selepas berzikir dalam kitab *al-Junnah*. Tarekat yang lain mempunyai bilangan yang lain pula. Walaupun terdapat perbezaan dari segi bilangan adab mengikut tarekat masing-masing, namun sebahagian besar adab tersebut didapati sama.

Zikir hasanah juga mempunyai adab-adab yang telah digariskan oleh para ulama fekah misalnya Sayyid Sabiq (1983: 491-492) menyatakan bahawa adab-adab berzikir adalah berpakaian bersih, suci badan (berwuduk), mengenakan wangian, menghadap kiblat, merendahkan suara dan kehadiran hati. Al-Haddad (1987: 227) menambah dengan menundukkan kepala dan seluruh anggota tenang seperti dalam solat. Namun begitu, cara duduk, *rabīṭah* kubur, *rabīṭah* mursyid dan menunggu *warīd* tiada dalam garispanduan adab berzikir di sisi ulama fekah.

iv. Kaifiat zikir

Zikir *darajah* mempunyai teknik khusus untuk memanifestasikannya sepertimana yang ditalqin (diajar) oleh syekh tarekat. Menurut al-Kurdi (1995: 561-563) dan Abdul Wahab

Rokan al-Khalidi dalam Hakikat Tarekat Naqsyabandiyah (Fuad Said 2004:62-63), ketika zikir ismu al-dhāt iaitu “الله”, ahli tarekat Naqsyabandiah melafazkannya dalam hati dalam keadaan mata terpejam, duduk tawarruk iaitu berlawanan dengan duduk tasyahud dalam solat, mengunci gigi, menongkatkan lidah ke langit. Abdul Wahab Rokan menambah menutup kepala dan muka dengan berselubung. Tujuan kesemuanya adalah untuk mencapai kekhayusan yang sempurna dan mengenalpasti lintasan-lintasan hati (khawātir) yang terjadi (al-Kurdi 1995: 562). Zikir ini juga dikenali sebagai zikir khafiy.

Bagi zikir nafiy ithbāt atau zikir jahri pula, terdapat pelbagai teknik yang praktikkan bergantung kepada ajaran syekh tarekat tersebut. Al-Dahlawi (1983: 48) (w. 1776H) misalnya menjelaskan cara untuk melafazkan zikir nafiy ithbāt ialah dengan cara menyebut “لا” bermula dari pusat ke kanan dan menariknya hingga sampai ke bahu. Kemudian gerakkan bahu dan kepala. Selepas itu sebutkan “إله”. Akhirnya dengan bersungguh-sungguh rentakkan rangkainya “إلا الله” ke dalam hati. Kemudian al-Kurdi (1995: 565-566) turut mengembangkan ajaran ini dalam kitab beliau Tanwīr al-Qulūb. Ahmad Shohibulwafa (1988: 95-96) memberi penjelasan lebih lanjut bahawa ahli Tarekat Sufiah mempunyai kaifiat tertentu serta bilangan tertentu dalam melaksanakan zikir ini iaitu mengucapkan kalimah “لا” dimulai pada tengah badan dari bawah pusat ditarik ke atas hingga ke dalam otak. Kalimah “إله” pula dibawa ke bahu kanan dan kalimah “إلا الله” dihunjamkan ke arah qalbu di bawah susu kiri. Kaifiat ini dipraktikkan sebagai benteng daripada godaan syaitan.

Menurut Daud al-Fathani (2007:40) yang menukilkan daripada Syekh Ahmad al-Qusyasyi r.a. bahawa “لا” dimulai dari lambung (tulang rusuk) kiri daripada hati sanubari tempatnya di bawah susu kiri, dihelakan sehingga bahu kanan, maka dinafikan “إله” ke arah belakangnya dengan hati sanubari mengqasad menafikan selain daripada Allah. Kemudian dibuangkan ke bahu kanan, lalu mengisbatkan “إلا” pada bahu tersebut. Kemudian dipukulkan lafaz “الله” ke dalam hati sanubari. Tarekat Sammaniyah pula mempunyai tiga alternatif kaedah melaksanakan zikir ini seperti yang tercatat dalam Hidāyat al-Sālikīn jilid tiga (Abdul Samad al-Falimbani 2000: 28-30).

Kesimpulannya, walaupun setiap tarekat mempunyai teknik zikir nafiy ithbāt bervariasi, namun mempunyai satu persamaan iaitu ketika melafazkan “الله”, perlu dihunjamkan ke arah hati sanubari iaitu di bawah susu (dada) kiri ataupun jantung. Ini adalah kerana hati adalah tempat pandangan dan perhatian Allah, tempat terletaknya iman dan wadah bagi pelbagai rahsia ghaib serta punca terpancarnya pelbagai nur (al-Kurdi 2005: 183).

Teknik khusus gerakan zikir khusus seperti di atas tidak terdapat dalam zikir hasanah. Namun terdapat athār para sahabat bahawa mereka menggoyang-goyangkan badan ketika berzikir ke kanan dan ke kiri dengan kuat seumpama pokok yang bergoyang kuat ditiup angin kencang. Maka ulama menghukumkan harus menggerak-gerakkan badan semasa berzikir berdasarkan athār tersebut (al-Qadiri.th.: 45).

v. Silsilah perguruan

Zikir hasanah tidak perlu kepada silsilah perguruan tetapi zikir *darajah* adalah sebaliknya kerana dengan adanya silsilah perguruan, akan wujud peralihan *al-barakah* Ketuhanan

yang merupakan sebuah keagungan atau pengaruh yang diberikan Tuhan secara langsung (Totok & Samsul 2005: 209) malah menjadi syarat utama untuk *wuṣūl* kepada Allah SWT (al-Ghazali 1993: 43). Silsilah perguruan yang sampai kepada Rasulullah s.a.w. menunjukkan bahawa mursyid tersebut adalah diiktiraf dalam rantaian sesuatu tarekat. Autensiti seorang mursyid pula akan membawa kepada keabsahan ajarannya termasuk perihal zikir. Ahmad Shohibulwafa (1988: 71-72) menegaskan barangsiapa yang tiada hubungan silsilah dengan Nabi s.a.w. dianggap terputus limpahan cahaya dan tidak menjadi waris Rasulullah SAW. Oleh yang demikian itu tidak dibolehkan mengambil *bayāh* daripadanya dan dia tidak boleh memberi atau diberi ijazah.

vi. Bayāh

Zikir hasanah tidak perlu kepada *bayāh*, manakala zikir *darajah* meletakkan ia sebagai syarat asas seorang *sālik* yang ingin mengamalkannya. *Bayāh* dalam istilah sufi ialah pernyataan sanggup dan setia murid di hadapan gurunya untuk mengamalkan segala apa yang diperintahkan (Totok & Samsul 2005: 23). Dalam hal ini, murid mesti mengamalkan zikir yang diturunkan oleh gurunya dengan taat dari segi kaifiat dan bilangan yang ditentukan. Pengambilan zikir secara rasmi (*bayāh*) adalah mustahak untuk memastikan seseorang itu tepat dalam menjalankan sesuatu amal ibadat seperti zikir (Azwan 2001:63).

vii. Talqin

Dari sudut pandang sufi, talqin ialah pengajaran mursyid kepada muridnya tentang pengamalan zikir yang disebut juga sebagai talqin zikir yang tidak terdapat pada zikir hasanah. Kepentingannya adalah kerana ia merupakan petunjuk mursyid dalam tatacara pengamalan zikir dan zikir-zikir yang diamalkan akan sampai kepada Allah SWT hinggakan *sālik* akan mendapat *Sāādah al-Qudsiyyah* (kebahagiaan yang suci) iaitu merasa sentiasa bahagia dalam setiap perbuatan setiap ketika kerana hidup pada jalan Allah (Totok & Samsul 2005: 236).

Menurut al-Jaylani (2011: 53), tercatat dalam kitab *Bustān al-Syarīah* bahawa Saidina Ali r.a. bertanya kepada Rasulullah SAW jalan yang terdekat, terunggul tetapi termudah untuk menuju Allah. Baginda tidak terus menjawab bahkan menunggu wahyu. Lalu Malaikat Jibril datang mentalqinkan kalimah “لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ” tiga kali kepada Rasulullah SAW, kemudian baginda pun mengucapkannya tiga kali. Setelah itu baginda mentalqin para sahabat secara berjemaah. Inilah asal kaifiat zikir nafiyy *ithbāt*.

Manakala zikir *ithbāt* menurut Ahmad Shohibulwafa (1988: 52-53) pada mulanya Rasulullah SAW talqinkan kepada Saidina Abu Bakar r.a secara rahsia (mengisikan pada perasaannya) ketika berada dalam Gua Thur dalam perjalanan Hijrah ke Madinah (Achmad Suyuti 2003:157) dan inilah zikir yang boleh meresap teguh sampai ke dalam hati. Baginda SAW memuji Saidina Abu Bakar r.a. bukan kerana banyak puasa dan solat tetapi kerana sesuatu yang terhunjam dalam hatinya.

viii. Irsyād

Zikir hasanah tidak memerlukan *irsyād* mursyid. Menurut Imam Muhammad Madhi, *irsyād* ialah dakwah yang disampaikan oleh seseorang yang telah sampai kepada taraf 'penunjuk' (mursyid) untuk memberi petunjuk kepada orang lain ke jalan yang benar (*tarīq al-ḥaq*) dengan penyampaian secara hikmah untuk menerangkan perkara dasar dan natijahnya bersesuaian dengan tahap kecerdikan orang yang menerima dakwah tersebut (al-Kasnazan 2005: 272). *Irsyād* perlu kepada ijazah (pengiktirafan) daripada syekh tarekat dan tidak boleh mengiktiraf diri sendiri memperolehi *irsyād* (al-Kasnazan: 281). Dalam hal ini, mursyid mempunyai *irsyād* untuk memimpin murid dalam amalan kerohanian sehingga dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

ix. Halatuju

Tujuan utama golongan sufi beribadah adalah pengabdian yang murni kepada Allah, bukan yang lain (al-Sya'rani 2001:19). Menurut al-Sya'rani (60-61) lagi, para syekh telah sepakat bahawa seseorang yang melakukan ibadah akan mendapat pahala dan syurga tetapi tidak berhasil untuk sampai ke hadrat Tuhannya kecuali dengan menitikberatkan soal adab dalam ibadah. Ini bermaksud tujuan seorang *sālik* mengamalkan ibadah adalah semata-mata kerana Allah bukannya untuk mendapatkan ganjaran pahala dan syurga. Di samping itu, pengamalan zikir *darajah* dengan mematuhi segala adabnya memungkinkan seseorang sampai ke hadrat Allah SWT.

KEISTIMEWAAN ZIKIR DARAJAH

Secara umumnya, ibadah zikir mempunyai amat banyak kelebihan sepertimana yang terdapat dalam dalil-dalil naqli. Dalam kitab Ibnu Qayyim al-Zar'iy iaitu *al-Wābil al-Ṣaiyyib* mensyarahkan 100 kelebihan zikir (Burhanuddin 2005:54). Al-Falimbani menukikan bahawa Syekh Ali al-Murasyi dalam kitabnya *Manhaj al-Sālik ilā Asyraf al-Masālik Mukhtasar Risālah al-Qusyairiah* mengatakan bahawa zikir mempunyai 35 kelebihan (Wan Saghir 2011: 237). Muhammad Abu Fahim (2001: 110-134) pula telah menyenaraikan 73 faedah zikir yang mencakupi aspek zahir dan batin, duniawi dan ukhrawi. Al-Samarqandi (1992: 187) menukikan bahawa terdapat lima kebaikan daripada zikrullah iaitu di dalamnya terdapat keredhaan Allah, menggalakkan seseorang membuat ketaatan, terlindung daripada syaitan, melunakkan hati dan mencegah daripada membuat maksiat.

Dari sudut pandang tarekat, zikir *darajah* mempunyai nilaitambah yang mengatasi kelebihan zikir hasanah iaitu dari sudut mendapat *al barakah*. Menurut al-Ghazali (1972:204) *al-barakah* ialah suatu kesan kerohanian yang tidak datang melainkan melalui syekh (al-Kasnazan 2005: 166). Ini menunjukkan *al-barakah* datang bersama silsilah syekh tarekat yang diwarisi daripada Rasulullah SAW sebagai masdar utama ajaran zikir *darajah*. Al-Kasnazan (167) sendiri mentakrifkan *al-barakah* sebagai kekuatan rohani atau kekuatan zikir atau cahaya zikir yang mengikat hati seseorang dengan Allah. *Al-barakah* diperlukan sebagai wasilah menuju Allah. Muhammad Ahmad Sarwan menyatakan bahawa keberkatan merupakan perantara bagi menuju Allah melalui seseorang, peninggalan atau tempat (Al-Kasnazan: 170). Mohd. Sulaiman (1997: 76) menjelaskan keberkatan syekh penting untuk menewaskan musuh-musuh yang bersifat batin dan

ghaib semasa murid menempuh perjalanan kerohanian di samping meninggalkan kesan dalam jiwa murid semasa proses *irsyād* dan tarbiyah.

Selain daripada itu, zikir *darajah* menawarkan peningkatan *maqām* atau darjat di sisi Allah SWT. Al-Sarraj (2001: 40) menyatakan bahawa *maqāmāt* adalah kedudukan manusia di hadapan Allah yang disebabkan ibadahnya, mujahadahnya, riadahnya, dan pencurahan hatinya kepada Allah. Contohnya al-Sarraj meletakkan sistematik *maqāmāt* kepada taubat, warak, zuhud, *faqr* (kefakiran), sabar, redha, tawakkal dan makrifat. Al-Ghazali pula taubat, sabar, *faqr*, zuhud, tawakkal, mahabbah, makrifat dan redha. Al-Qusyairi meletakkan tingkatan maqamat kepada taubat, warak, zuhud, tawakkal, sabar dan redha. Maqamat itu harus dilalui oleh seorang salik setahap demi setahap, maqam demi maqam dalam mendekatkan diri kepada Allah dengan petunjuk daripada syeikh (Totok & Samsul 2005: 136-137) atau sehingga sampai ke tahap *musyāhadah* (melihat Allah dengan mata hati) (Imaduddin al-Umawi t.th.:272, al-Barkawi t.th.:63)

KESIMPULAN

Zikir darajah ialah zikir yang diamalkan oleh ahli tarekat di bawah pimpinan mursyid yang muktabar. Maksud atau matlamat sebenar zikir tersebut ialah supaya seorang *sālik* atau ahli tarekat tersebut dapat mengenali Allah SWT dalam ertikata yang sebenar. Zikir ini mempunyai karakter tersendiri dan berbeza daripada zikir orang awam sepertimana yang telah diperbincangkan sebelum ini. Seseorang yang tertarik untuk mengamalkannya perlu mengambil langkah bagi mengenalpasti keabsahan zikir tersebut terutama dari segi silsilah perguruan dan mursyid yang *tahqīq* agar tidak terseleweng. Peranan mursyid amat penting dalam memberi petunjuk jalan rohani melalui amalan zikir kerana dapat mengalirkan *al-barakah* kepada *sālik* untuk tujuan *wuṣūl* kepada Allah SWT. Peningkatan *maqām* atau *maqāmāt* akan dilalui oleh *sālik* dengan pengamalan zikir *darajah* yang dipantau oleh mursyid sehinggalah mencapai makrifatullah yang menurut Imam al-Ghazali dalam *Ihya Ulumiddin* bahawa makrifatullah ialah sebenarnya fitrah manusia. Nikmat *wuṣūl ilā Allah* merupakan sebesar-besar nikmat kerana di situlah tercapainya *Sāādah al-Qudsiyyah* pada penghujung perjalanan seorang *sālik*.

RUJUKAN

Al-Quran.

Abdul al-Qadir 'Isa. 1970. *Haqā'iq an al-Tasawuf*. Norwich: Diwan Press.

Achmad Suyuti. 2003. *Percikan Kesufian*. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Amatullah Armstrong. 1996. *Kunci Memasuki Dunia Tasawuf*. Bandung: Penerbit Mizan.

Azwan. 2001. *Hakikat Zikrullah dan Doa-doa Keperluan Harian*. Kuala Lumpur: Usnie Sdn. Bhd.

- Burhanuddin al-Helmi. 2005. *Simposium Tasawuf dan Tarikat*. Ipoh: Pustaka Muda.
- al-Dahlawi, Syah Waliyullah. 1983. *Penawar Rohani*. Terj. Abdul Aziz Ahmad. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Fadhil Barkawi. t.th. *Al-Maqamat al-Arbā'in*. t.tp.tpt.
- al-Falimbani, Abdul Samad. 2000. *Hidāyat al-Sālikīn* jilid tiga. Terj. Wan Mohd. Saghir. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- al-Farisi, Alauddin Ali. 1997. *Sahih Ibn Hibban bi Tartib Ibn Balban*. Jld. 3. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Ghazali, Hamid b. Muhammad. 1972. *Al-Munqidh min al-Dhalal*. Pnyt. Abdul Halim Mahmud. t.tp.: Dar al-Kutub al-Hadithah.
- al-Haddad, Abdullah b. Alwi. 1987. *Al-Nasaih al-Diniyah wa al-Wasaya al-Imaniyah*. Terj. Anwar Rasyidi. Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.
- al-Haythami, Nuruddin Ali. 1986. *Majmā' al-Zawā'id wa Manbā' al-Fawā'id*. Jld. 9. Beirut: Mu'assasah al-Mā'arif.
- al-Harawi, Abdullah al-Ansari. 1962. *Manāzil al-Sā'irin*. Qahirah: Matbaah al-Ma'had al-Ilmi al-Fransa.
- Ibnu Balban, Alauddin Ali. 1997. *Sahih Ibnu Hibban bi Tartib Ibnu Balban*. Jld. 13. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- al-Jaylani, Abdul Qadir. 2011. *Sirr al-Asrār*. Terj. K.H. Zezen Zainal Abidin. Batu Caves: Thinker's Library.
- al-Kamshakhanawi, Ahmad. 1997. *Jamī' al-Usūl fi al-Awliyā'*. Beirut: t.pt.
- al-Kasnazan, Muhammad ibn Abdul Karim. 2005. *Mausūh al-Kasnazan fī mā Istalaha 'Alaihi Ahl al-Tasawuf wa al-Ḍrfān*. Jld. 8,9. Beirut: Dar Āyah.
- al-Kurdi, Muhammad Amin. 1995. *Tanwīr al-Qulūb*. Beirut; Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Mustafa Zahri. 1984. *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Surabaya: Pustaka Bina Ilmu.
- al-Nida, Muhammad Khalil al-Khatib. 2006. *Al-Junnah fi Sharh Aqīdah Ahl al-Jannah*. Tanta: Jam'iyyah Sha'ir al-Rasul.
- al-Qadiri, Abdul Rahman. t.th.. *Tuhfat al-Ubbād wa Adillat al-Warrād*. Baghdad: Makhtut Maktabah al-Awqaf al-Ammah.

- al-Qari, Ali b. Sultan Muhammad. 2001. *Mirqāt al-Mafātih*. Jamal 'Ityani (pnyt.). Jld. 5. Beirut: Dār al-Kitāb al-Ilmiyyah.
- al-Qarani, Abdul Hafiz Faraghli Ali. 2007. *Mabadi' al-Tasawuf al-Islāmi*. Terj. Negeri Sembilan: Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan.
- al-Sakandari. 1961. *Miftāh al-Falāh wa Misbāh al-Arwāh*. Qahirah: Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Bābi al-Halabi wa -Awlādhī
- al-Samarqadi, Abu Layth Nasr ibn Muhammad. 1992. *Tanbīh al-Ghāfilīn*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Sarraj, Abu Nasr. 2001. *Al-Lumā'*. Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Shatnufi, Ali ibn Yusuf. 2002. *Bahjat al-asrār wa-Ma'dan al-Anwār*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- al-Syārani, Abdul Wahab. 2001. *Al-Anwar al-Qudsiyyah*. Terj.H.M. Qodirun Nur & S.
- Shohibul Wafa Tajul Ariffin, K.H.A.. 1988. *Kunci Pembuka Dada*. Batu Caves: Thinker's Library.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn Isa. 1937. *Al-Jāmi' al-Sahīh wa huwa Sunan al-Tirmidhī*. Mesir: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Totok Jumanoro & Samsul Munir Amin. 2005. *Kamus Ilmu Tasawuf*. Jakarta: Penerbit Amzah.
- al-Mausu'ah al-Fiqhiyah Jld. 21. Kuwait : Wizarah al-Awqaf wa al-Syu'un al-Islamiyah.
- al-Umawi, Imaduddin. t.th. *Hayāt al-Qulūb fi Kaifiyat al-Wusūl ila al-Mahbūb*. t.tp.: Dar Sadir.